

**RISALAH PENDEDAHAN PRODUK**

Pelanggan yang Dihormati,  
Risalah Pendedahan Produk (RPP) ini memberikan anda maklumat penting mengenai Kad Platinum Perniagaan American Express Explorer.  
Pelanggan lain telah membaca RPP ini dan mendapati ia berguna; anda juga disarankan untuk membacanya.

Kad : **Kad Platinum Perniagaan American Express Explorer**  
Tarikh: Jun 2025

**1. Apakah Kad Platinum Perniagaan American Express Explorer?**

- Kad kredit perniagaan.
- Pembayaran pada atau sebelum tarikh akhir seperti yang dinyatakan dalam penyata bulanan, dengan jumlah tidak kurang daripada bayaran minimum.
- Caj kewangan akan dikira berdasarkan baki belum jelas yang belum dibayar sepenuhnya pada atau sebelum tarikh cukup tempoh.

**2. Ketahui obligasi anda**

- **Bayaran minimum:** 5% baki belum jelas atau RM50, mengikut mana-mana yang lebih tinggi.
- Anda perlu membayar fi dan charge berikut:
  - i. Caj kewangan dikenakan ke atas transaksi belum jelas selepas tarikh akhir pembayaran.
  - ii. Bagi urus niaga pendahuluan/pengeluaran tunai, caj kewangan dikira dari tarikh urus niaga sehingga bayaran penuh diterima.

**Caj kewangan; sila rujuk jadual di bawah:**

	<b>Kadar Faedah</b>	
	<b>Sebulan</b>	<b>Setahun</b>
Untuk pembayaran segera 12/12 bulan	1.25%	15%
Untuk pembayaran segera 10/12 bulan	1.42%	17%
Untuk pembayaran segera kurang daripada 10/12 bulan	1.50%	18%

Untuk menikmati Caj kewangan yang lebih rendah, anda perlu membuat sekurang-kurangnya 10 pembayaran segera dalam 12 bulan lepas.

- **Caj pembayaran lewat:** 1% daripada baki belum jelas mengikut tarikh penyata atau minimum RM 10.00, mengikut mana-mana yang lebih tinggi sehingga maksimum RM 100.00.
- Fi & caj lain yang berkaitan, jika berkenaan.

<b>FI &amp; CAJ</b>	<b>JUMLAH</b>
Fi Tahunan	RM500 setahun (dikecualikan untuk 3 tahun pertama)
Pendahuluan Tunai	Kadar rata 5% daripada jumlah pendahuluan tunai atau minimum RM18.00, yang mana lebih tinggi.
Cukai Perkhidmatan	RM25/kad
Cek Tak Laku	RM100
Fi Penggantian Kad	RM50/kad
Fi Mendapatkan Semula Draf Jualan	RM15/salinan
Fi Permintaan Penyata Tambahan	<ul style="list-style-type: none"><li>Tempoh penyata bagi 2 tahun : RM5/bulan</li><li>Tempoh penyata lebih daripada 2 tahun : RM10/bulan</li></ul>
Kadar Penukaran Urus Niaga Luar Negara	<ul style="list-style-type: none"><li>Semua caj luar negara yang ditukarkan oleh American Express menggunakan faktor luar negara pertukaran 2.5% kepada jumlah yang ditukarkan.</li><li>1% atau kadar lain yang dikenakan oleh kami, yang mungkin berubah dari semasa ke semasa.</li><li>Transaksi dilakukan dalam mata wang asing akan ditukarkan oleh American Express, kepada Dolar A.S. sebelum ditukarkan kepada mata wang pengebilangan.</li></ul>

**Adalah tanggungjawab anda untuk:**

Baca **terma dan syarat** untuk Kad Platinum Perniagaan American Express Explorer sebelum anda memohon.



Pastikan bayaran kad kredit anda dibuat **tepat pada masanya**.



Hubungi kami dengan segera jika anda tidak dapat membayar seperti dalam penyata bulanan anda.

### 3. Ketahui Risiko Anda

Apa yang akan berlaku jika anda mengabaikan kewajipan anda?

- Anda akan **membayar lebih** secara keseluruhan disebabkan caj lewat bayar dan faedah berganda.
- Dengan hanya membayar bayaran balik bulanan minimum, jumlah faedah dan masa yang diambil untuk menyelesaikan **jumlah penuh akan meningkat**.
- Caj kewangan yang dikenakan ke atas baki tertunggak adalah berdasarkan struktur harga berperingkat **mengikut sejarah pembayaran balik anda**.
- Kami **berhak untuk menolak** sebarang baki kredit dalam akaun anda yang disimpan bersama kami terhadap baki tertunggak anda.
- Jika anda gagal mematuhi terma dan syarat, kami berhak untuk **menamatkan kad anda**.
- **Langkah undang-undang** mungkin diambil jika anda gagal memenuhi kewajipan sekurang-kurangnya pembayaran minimum.
- **Skor kredit** anda mungkin terjejas, menyebabkan kemudahan kredit menjadi lebih sukar atau mahal untuk anda.
- **Liabiliti Bersama & Berasingan:** Syarikat dan setiap Pemegang Kad bertanggungan secara bersama-sama terhadap hutang yang ditanggung bagi Kad yang dikeluarkan untuk individu.
- **Liabiliti Individu:** Pemegang Kad individu bertanggungjawab sepenuhnya terhadap pembayaran.
- **Liabiliti Tunggal:** Syarikat bertanggungjawab sepenuhnya atas semua caj yang dikenakan ke atas Pemegang Kad.

### 4. Terma-terma penting lain

Sila kemas kini maklumat hubungan anda dengan segera sekiranya terdapat sebarang perubahan bagi memastikan surat-menyurat dapat dilakukan tepat pada masanya. Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan mengenai Kad Korporat anda, anda boleh menghubungi kami.



Hubungi  
**Pusat Khidmat Kad Maybank** di  
1300 88 6688 / 1800 88 9559



Emel ke  
**corpsvc@maybank.com** /  
**mbbcardservices@maybank.com.my**



Layari  
**www.americanexpress.com**  
atau **www.maybank2u.com**

Jika pertanyaan atau aduan anda tidak diselesaikan dengan memuaskan oleh kami, anda boleh:



Hubungi **Bank Negara Malaysia**  
di 1300 88 5465



Emel ke  
**bnmtelelink@bnm.gov.my**